

1613/1B

MAHATHIR-DADAH

1977

KUALA LUMPUR, 6 MEI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI SIKAP DAN PENGLIBATAN ORANGRAMAI AKAN DAPAT MENENTUKAN KEJAYAAN KERAJAAN DALAM USAHANYA MENGATASI MASALAH DADAH DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENINGATKAN, KERAJAAN TIDAK MUNGKIN BERJAYA JIKA ORANGRAMAI MEMANDANG RINGAN TERHADAP MASALAH ITU.

BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN ANTI-DADAH KEBANGSAAN DI MUZIUM NEGARA DISINI BELIAU MENINGATKAN BAHAWA BAHAYA DADAH YANG SEDANG DIHADAPI SEKARANG AMATLAH BESAR.

INI BUKAN SAJA KERANA BERTAMBAHNYA BILANGAN PARA PENAGIH TETAPI KERANA KEMUNGKINAN PIHAK KOMUNIS MENGGUNAKAN MASALAH ITU UNTUK PERJUANGAN MEREKA ADALAH JELAS, TEGAS BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA BUAT MASA INI, LEBIH DARI 20,000 ORANG DIKETAHUI MENAGIH DADAH.

+MUNGKIN BILANGAN YANG TIDAK DIKETAHUI LEBIH RAMAI DAN ADALAH DIANGGARKAN BILANGAN SEMUA PENAGIH ADALAH LEBIH 100,000  
— IAITU SAMA BANYAK DENGAN PENDUDUK SEBUAH BANDAR BESAR, + TEGASNYA.  
— BERSAMBUNG 1244/SZ

MAHATHIR-DADAH 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA BILANGAN YANG BESAR ITU BERMAKNA BERJUTA RINGGIT TERPAKSA DIHABISKAN TIAP-TIAP TAHUN UNTUK MEMBELI DADAH ATAU KERANA BELANJA PEMULIHAN.

BILANGAN YANG BANYAK INI JUGA MENYEBABKAN LEBIH BANYAK JENAYAH DAN KECUAIAN DALAM KERJA YANG MERUGIKAN.

OLEH KERANA RAWATAN PENAGIH MENGAMBIL MASA TIDAK KURANG TIGA TAHUN, MASYARAKAT ATAU KERAJAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MERAWAT 100,000 ORANG BAGI TEMPOH TERSEBUT, KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH INI LEBIH BERAT KERANA PARA PENAGIH YANG DIPULIH KERAPKALI DIDAPATI MEMULAKAN SEMULA TABIAT BAHAYA ITU.

+DENGAN LAIN-LAIN PERKATAAN, 100,000 PENAGIH DADAH AKAN MENJADI BEBAN SELAMA-LAMA BAGI NEGARA DAN MASYARAKAT, + TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1307/SZ

MAHATHIR-DADAH 3 KUALA LUMPUR

24

DR. MAHATHIR LALU MENYERU SETIAP RAKYAT SUPAYA MEMANDANG BERAT MASALAH DADAH ITU.

BELIAU MENEGASKAN BAGAIMANAPUN INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA JENAYAH LAIN DI NEGARA INI TIDAK BERAT.

TETAPI YANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN (ALAH JENAYAH LAIN TIDAK BERKEMBANG SAPERTI SALAHGUNA DADAH DAN BELUM MERUPAKAN ANCAMAN BESAR TERHADAP NEGARA+, TEGASNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP SERUAN KERAJAAN SUPAYA MASYARAKAT MEMERANGI PENYAKIT KETAGIH DADAH TIDAK AKAN DILEMAHKAN OLEH ORANG-ORANG YANG MENDAKWA KERAJAAN TIDAK BERSUNGGUH-SUNGGUH MEMERANGI LAIN-LAIN JENAYAH SEPERTI ARAK.

SEBARANG PENDAPAT YANG MELEMAHKAN USAHA MEMERANGI DADAH AKAN MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN YANG SUDAH BURUK YANG TERDAPAT DI NEGARA SEKARANG, BELIAU MEMBERI AMARAN.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN FAHAMAN TENTANG BETAPA BAHAYANYA DAN BETAPA LUASNYA PENYALAHGUNAAN DADAH AMATLAH PENTING BAGI ORANG-RAMAI KERANA DALAM USAHA MENGATASINYA MEREKA MESTI MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DAN UTAMA. --BERSAMBUNG 1318/BY

EE

B532

MAHATHIR-DADAH 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, KERAJAAN ATAU BADAN TERTENTU SAJA TIDAK MUNGKIN MENGESAN DAN MENGAWASI KEGIATAN DAN GERAK-GERI 100,000 ORANG PENAGIH YANG KEBANYAKANNYA PULA TERDIRI DARI MUDA-MUDI DAN MURID SEKOLAH.

MEREKA INI MESTILAH DIAWASI DAN DIKAWAL OLEH KELUARGA MEREKA SENDIRI KHASNYA IBUBAPA, + TEGASNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA PENYELIDIKAN YANG DIBUAT OLEH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERSAMA-SAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MENUNJUKKAN BAHAWA SALAH SATU SEBAB ANAK MUDA TERJERUMUS KE DALAM LEMBAH DADAH ADALAH KERANA TIDAK ADA KAWALAN OLEH KELUARGA.

+TRADISI KEKELUARGAAN YANG DAHULU MENGIKAT KELAKUAN ANAK-ANAK SUDAH HANCUR.

SUDAH TENTU JIKA PERHUBUNGAN KEKELUARGAAN HENDAK DIPULIH, ORANGRAMAI PERLU MENGHIDUPAKAN SEMULA TRADISI INI DAN MENGAWAL ANAK MEREKA.

KERUNTUHAN AKHLAK DAN PENYERAPAN KEBUDAYAAN DAN NILAI HIDUP BARAT JUGA MEMAINKAN PERANAN, YANG CUMA KELUARGA SAJA BOLEH MENCEGAH, + TEGAS DR. MAHATHIR. -- BERSAMBUNG 1325/SZ

CC

B533

MAHATHIR-DADAH 5 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MERAYU KEPADA ORANG-ORANG TERTENTU SEPERTI GURU DAN PEGAWAI MEMAINKAN PERANAN SUKARELA DALAM USAHA-USAHA PENCEGAHAN.

HARUS DIINGAT JIKA KITA MENOLONG MENCEGAH DADAH, KITA MENOLONG ANGGOTA MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI KELUARGA. MUNGKIN USAHA ORANG LAIN PULA AKAN MENYELAMATKAN KELUARGA KITA, + TEGASNYA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN TETAP MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM USAHA-USAHA MENENTANG BAHAYA DADAH DAN SEBANYAK \$5 JUTA AKAN DIBELANJAKAN DALAM TEMPUH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BAGI TUJUAN ITU.

SEBELUM ITU, MENTERI UNDANG-UNDANG TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF MEMBERITAHU KEMENTERIANNYA SEDANG MEMIKIRKAN CARA MENGATASI MASALAH ORANG-ORANG YANG TIDAK MAHU HADIR DI MAHKAMAH UNTUK MEMBERI KETERANGAN SEBAGAI SAKSI DALAM KES-KES DADAH.

BELIAU BERKATA MASALAH INI TIMBUL KERANA ORANG-ORANG ITU TAKUT DIRINYA ATAU KELUARGA DIANCAM OLEH PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT.

TAN SRI KADIR JUGA MEMBERI JAMINAN UNDANG-UNDANG ANTI-DADAH AKAN DIPERKEMASKAN LAGI, JIKA PERLU, DEMI KEPENTINGAN DAN KESELAMATAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 1330/SZ

MAHATHIR-DADAH 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BAGAIMANAPUN BERPENDAPAT UNDANG-UNDANG YANG ADA SEKARANG SUDAH CUKUP KETAT+ MENGIKUT KEADAMAN KETIKA INI+.

TAN SRI KADIR GEMBIRA, BAHAYA DADAH TERHADAP NEGARA SEKARANG SUDAH DIRASAI DAN DISEDARI OLEH SEMUA PERINGKAT MASYARAKAT.

BELIAU BERHARAP DENGAN KESEDARAN INI, MASALAH DADAH DI NEGARA INI AKAN DAPAT DIKURANG DAN MUNGKIN JUGA DIHAPUSKAN.

TIMBALAN MENTERI UNDANG-UNDANG ENCIK RAIS YATIM PULA BERKATA DARI SEGI PENYELUDUPAN DAN PENAGIHAN DADAH, KEDUDUKAN NEGARA INI KURANG BERNASIB BAIK KERANA LETAKNYA DALAM PERJALANAN PENYELUDUPAN DADAH ANTARABANGSA.

INI DITAMBAH PULA DENGAN KEMUDAHAN PENGAKUTAN DAN KEADAAN SISTEM PENTADBIRAN NEGARA YANG LEBIRAL MENJADIKANNYA SUKAR UNTUK MENGAWAL KEMASUKAN DADAH KE NEGARA INI.

BARU-BARU INI PULA TELAH TIMBUL BUKTI YANG MENUNJUKKAN PIHAK KOMUNIS JUGA TERLIBAT DALAM PENYELUDUPAN DAN PENGELUARAN DADAH DAN INI MENJADIKAN MASALAH DADAH DI NEGARA INI LEBIH SERIOUS DARI NEGARA-NEGARA LAIN TEGASNYA. --BERSAMBUNG 1324/BY

CC

B535

MAHATHIR-DADAH 7 KUALA LUMPUR

ENCIK RAIS YANG JUGA YANG DIPEPERTUA PEMADAM MEMBERITAHU PERSATUAN ITU SEDANG MERANGKA SATU KAEDAH BERTINDAK DALAM BIDANG PENCEGAHAN, PEMULIHAN DAN SELIAAN YANG SESUAI UNTUK NEGARA INI.

PAMIRAN TERSEBUT AKAN BERLANGSUNG SELAMA ENAM MINGGU DAN TERBUKA KEPADA ORANGRAMAI. --BERJUMA 1325/BY